

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, November 15, 2018 1:04 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Program PJJ Bantu Negara Lahir Tenaga Profesional Dan Berkelayakan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

15 NOVEMBER 2018 / 07 RABIULAWAL 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

PROGRAM PJJ BANTU NEGARA LAHIR TENAGA PROFESIONAL DAN BERKELAYAKAN



UUM ONLINE: Program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) membantu negara melahirkan tenaga profesional dalam pelbagai bidang kursus seperti perniagaan, komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan, sains dan sains sosial yang memenuhi kehendak kelayakan di sektor awam dan sektor swasta.

“Oleh itu, program PJJ menyediakan banyak peluang pendidikan bagi setiap lapisan masyarakat. Tambahan pula, program ini memerlukan pelajar untuk memenuhi syarat kemasukan yang selesa, dengan kelayakan minimum dengan mengambil kira pengalaman kerja.

“Corak pendidikan ini membuka peluang yang luas kepada masyarakat serta mempercepatkan proses pembangunan negara dalam melahirkan tenaga yang profesional dan berkelayakan,” kata Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim yang mewakili Naib Canselor pada Majlis Makan Malam Graduan Program PJJ di EDC Hotels & Resorts, semalam.

Jelasnya, program PJJ yang dilalui para graduan merupakan salah satu daripada cabang Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), antara inisiatif kerajaan untuk pelaburan negara dengan membangunkan rakyat melalui ilmu dan latihan.

Menurutnya, PSH merupakan latihan dalam peningkatan kualiti kerja, ilmu sahaja tidak memadai jika tidak dimanfaatkan dalam persekitaran kerja dan kehidupan seharian, malah moto UUM, Ilmu Budi Bakti sudah memadai untuk menterjemahkan apa yang telah digarap semasa graduan berada di sini.

Tambah beliau, Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan (PACE) sebagai platform dan katalis merealisasikan hasrat negara untuk agenda kelestarian PSH mampu melahirkan ramai siswazah yang berkualiti.

“Peranan alumni membolehkan alma mater terus mencapai kemajuan justeru, graduan diseru menyumbang kembali kepada alma mater dengan meluangkan masa, tenaga dan buah fikiran untuk pembangunan UUM,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah PACE, Prof. Madya Dr. Mohamad Ainuddin Iskandar Lee Abdullah berkata, majlis tersebut adalah bagi menghargai kejayaan graduan PJJ yang menerima ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen ke-31 UUM.

Katanya, lebih 700 graduan yang mengikuti program PJJ berjaya menamatkan pengajian dan akan menerima ijazah sarjana muda di bawah program Komunikasi dan Pengurusan Awam.

“Alhamdulillah, sehingga kini, PACE UUM berjaya melahirkan lebih 7,000 graduan sarjana muda PJJ dalam pelbagai bidang sejak ditubuhkan pada 1996.

“PACE percaya pelbagai rintangan dan cabaran terpaksa dilalui sepanjang tempoh pengajian selama lima tahun ini namun berkat usaha, kesungguhan dan doa telah membuahkan hasil kepada graduan terutamanya graduan sulung dari Pusat Ipoh,” katanya.

Beliau menyeru kepada semua graduan untuk menggunakan segala pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang ditimba dalam segenap aspek kehidupan untuk menjana kecemerlangan diri dan membina kerjaya yang lebih maju pada masa hadapan.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.